

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 20 MAC (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor-faktor yang dianggap paling kritikal dalam mencapai status negara maju di tahun 2020. Apakah kesukaran terbesar dalam mencapai status negara maju tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat mencapai status negara maju telah pun termaktub dalam Wawasan 2020, iaitu menjadi sebuah negara maju dalam acuan kita tersendiri. Dari aspek ekonomi, antara faktor yang penting dan dianggap kritikal untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 ialah membentuk ekonomi yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan. Untuk itu, adalah kritikal bagi negara untuk beralih kepada ekonomi yang berintensifkan pengetahuan dan inovasi dengan meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif, kreatif dan berinovatif yang mampu menjana teknologi baru sebagai sumber pertumbuhan pada masa hadapan.

Namun, pencapaian sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 bukan hanya bergantung kepada pencapaian ekonomi dan pendapatan yang tinggi semata-mata. Faktor yang sama kritikal adalah menentukan pembangunan negara terus mampan melalui pembangunan yang berbentuk inklusif, di mana kekayaan negara diagih secara adil dan saksama ke setiap lapisan masyarakat. Di samping itu, cabaran yang menyentuh bidang sosial turut penting, iaitu mengekalkan kemakmuran, amalan demokrasi dan perpaduan serta mengukuhkan keutuhan nilai moral dan etika, sifat liberal dan bertolak ansur dan pemeliharaan institusi kekeluargaan.

Antara kesukaran terbesar yang dihadapi adalah melahirkan tenaga kerja bertaraf negara berpendapatan tinggi dari segi kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional serta paras produktiviti yang tinggi. Dalam persaingan global yang sengit, modal insan berkualiti lebih tertarik ke negara yang menyediakan peluang lebih baik.

Kesukaran kedua terbesar yang dihadapi adalah menggerakkan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan dan tidak bergantung kepada Kerajaan. Masih terdapat banyak ruang penambahbaikan untuk menggiat dan meningkatkan pelaburan swasta yang produktif dan berteknologi tinggi. Dalam tempoh 2011 hingga 2013, pelaburan swasta meningkat 15.3 peratus setahun atau RM138 bilion setahun. Sejak dilancarkan pada tahun 2010, sebanyak 196 buah projek telah dilancarkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM219 bilion yang dijangka menyumbang sebanyak RM144 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar dan mewujudkan 437,816 peluang pekerjaan baru menjelang tahun 2020.

Selain itu, kesukaran terbesar adalah memastikan kesamarataan untuk rakyat bersaing dan turut serta dalam ekonomi serta menerima manfaat daripadanya. Masih wujud keperluan untuk meneruskan usaha merapatkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi seiring dengan perkembangan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.